

TEKS UCAPAN KATA ALU-ALUAN

**YBHG. PROFESOR DATUK TS. DR.
MASSILA BINTI KAMALRUDIN
NAIB CANSELOR
UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA
MELAKA (UTeM)**



'SESI JELAJAH MQA BERSAMA PPT ZON SELATAN'

**UNIVERSITI TEKNIKAL MALAYSIA MELAKA
PADA**

**18 SEPTEMBER 2023 (ISNIN)
10.30 PAGI**

**BERTEMPAT DI
DEWAN UTeM 1. KAMPUS TEKNOLOGI UTeM**

YBhg. Dato' Prof. Dr. Mohammad Shatar bin Sabran
Ketua Pegawai Eksekutif
Agensi Kelayakan Malaysia

YBrs. Prof. Ir. Dr. Khairul Salleh bin Mohamed Sahari
Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Jaminan Kualiti)
Agensi Kelayakan Malaysia

Encik Mohd Khairul Nizam bin Ibrahim
Pengarah Kanan (Akreditasi)
Agensi Kelayakan Malaysia

Encik Mohamad Dzafir bin Mustafa
Pengarah Kanan (Pembangunan Dasar dan Kepakaran)
Agensi Kelayakan Malaysia

YBhg. Profesor Dr. Zulkifilie Bin Ibrahim
Timbalan Naib Canselor (Akademik & Antarabangsa)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

YBhg. Profesor Ir. Ts. Dr. Ghazali Bin Omar
Timbalan Naib Canselor (Penyelidikan & Inovasi)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

YBrs. Profesor Madya Datuk Dr. Sabri Bin Mohamad Sharif
Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar & Alumni)
Universiti Teknikal Malaysia Melaka

Pegawai-pegawai Agensi Kelayakan Malaysia, Pengurusan Kanan UTeM,
dan wakil-wakil Pemberi Pendidikan Tinggi (PPT) Zon Selatan sekalian

**Assalamualaikum, Salam Sejahtera, Menjajar Universiti Melonjak Kehadapan,
UTeM ku sayang dan Salam Melakaku Maju Jaya (ucapan standard NC)**

1. Syukur ke hadrat Allah S.W.T dengan limpah dan kurniaNya, hari ini kita dapat sama-sama berkumpul di dalam program Sesi Jelajah MQA Bersama Penyedia Pendidikan Tinggi Zon Selatan. Sebelum saya meneruskan ucapan alu-aluan saya ini, izinkan saya mengalu-alukan kehadiran semua dengan serangkap pantun.

Indah berbalam si awan petang,

Sayang kumbang mencari makan,

Berarak di celah pepohon ara;


Terbang seiring di tepi kali;

Pemanis kalam selamat datang,

Selamat datang kami ucapkan,

Awal bismillah pembuka bicara.

Moga diiring restu llahi.



2. Saya mewakili seluruh warga UTeM, mengalu-alukan kehadiran semua yang hadir memeriahkan program pada hari ni. Mungkin ada di antara hadirin yang pernah datang ke Kampus UTeM atau mungkin ada juga hadirin yang pertama kali menjelaskan kaki ke mari, "Selamat Datang" kami ucapkan ke Kampus Teknologi UTeM. Kampus ini dinamakan Kampus Teknologi kerana kedudukannya yang strategik iaitu berada di kawasan perindustrian dan berhampiran dengan zon komersil.

3. Pada kesempatan ini juga, saya serta pihak pengurusan UTeM dan seluruh warga UTeM, mengucapkan sekalung penghargaan kepada pihak MQA yang telah memberi kepercayaan yang tinggi kepada UTeM untuk menjadi tuan rumah bagi Sesi Jelajah MQA ke Zon Selatan pada kali ini. Alhamdulillah, kerjasama erat yang telah terjalin selama ini, disuburkan dengan kolaborasi strategik di antara pihak MQA dan UTeM, maka program pada hari ini dapat dilaksanakan dengan jayanya.
4. Seiring dengan pertumbuhan ekonomi negara yang pesat dan kompetitif, ditambah pula dengan kehendak persekitaran yang sentiasa berubah, semua institusi Penyedia Pendidikan Tinggi perlu sentiasa berdaya saing dan meningkatkan usaha-usaha kita untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik, khususnya dalam menawarkan kursus-kursus yang “*future ready*” dan memberi nilai tambah kepada graduan. Sungguhpun begitu, aspek jaminan kualiti tidak boleh diketepikan dan ekosistem yang menyokong pendidikan tinggi yang cemerlang dan berkualiti amat diperlukan oleh semua institusi Penyedia Pendidikan Tinggi.
5. Kita berterima kasih kepada MQA iaitu satu entiti yang ditubuhkan khusus bagi menerajui dan menjamin ekosistem kecemerlangan tersebut diwujudkan dan dihayati oleh setiap institusi Penyedia Pendidikan Tinggi. Inisiatif MQA untuk ‘turun padang’ mendekati institusi-institusi pendidikan tinggi melalui Siri Jelajah MQA ini sangat bertepatan dengan waktunya dan amat kami hargai.

6. Siri jelajah ini diharapkan dapat memudahkan perkongsian serta penyampaian maklumat secara terus terutamanya berkaitan dengan prosedur dan standard yang telah digariskan oleh Pihak MQA. Ia amat selari dengan hasrat Yang Berhormat Menteri Pengajian Tinggi untuk melestarikan ekosistem pendidikan tinggi yang berkualiti untuk membangunkan potensi individu bagi memenuhi aspirasi negara.
7. Penganjuran program seperti ini dilihat sebagai satu platform yang terbaik mengukuhkan hubungan di antara MQA dengan Penyedia Pendidikan Tinggi dan mendengar pandangan kami di peringkat institusi. Maklumat dan perkongsian idea daripada program seperti ini penting bagi kedua-dua pihak untuk menganalisa keperluan, kekangan dan merancang penambahbaikan perkhidmatan khususnya berkaitan penawaran program-program berkualiti tinggi.
8. Sebelum saya mengakhiri ucapan alu-aluan ini, saya mewakili seluruh warga UTeM khususnya sekali lagi merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Yang Berbahagia Prof. Dato' Dr. Mohammad Shatar bin Sabran, Ketua Pegawai Eksekutif MQA serta seluruh team dari MQA di atas penganjuran program Sesi Jelajah MQA Bersama Penyedia Pendidikan Tinggi Zon Selatan. Apresiasi yang tidak terhingga juga buat rakan-rakan dari institusi pengajian tinggi yang lain dari Zon Selatan kerana sudi hadir untuk merealisasikan program hari ini.

9. Semoga kerjasama erat ini akan dapat diteruskan pada masa akan datang dan tidak terhenti di sini sahaja. Semoga kita semua dapat memanfaatkan program ini bukan sahaja untuk mengetahui isu-isu yang berkaitan dengan institusi masing-masing tetapi juga mendengar perkongsian dari pakar-pakar sendiri di MQA.
10. Saya Sudah Ucapan hari ini dengan kalimah suci wabillahi taufik wal hidayah wasalamualaikum wbr wbt.

